

**LAPURAN TAHUNAN DAN AKAUN  
YANG TELAH DIODITKAN**

**bagi**

**LEMBAGA PEMASARAN  
PERTANIAN PERSEKUTUAN  
MALAYSIA  
1971**

**ANNUAL REPORT AND AUDITED ACCOUNTS**

**of the**

**FEDERAL AGRICULTURAL  
MARKETING AUTHORITY  
MALAYSIA  
1971**

*Harga : \$1*

PERPUSTAKAAN  
Lembaga Pemasaran Pertanian  
Persekutuan (FAMIA),  
Bangkal 5, Bangk dan KUCWASA,  
Jalan Laut, 10250 Kuala Lumpur.

**LAPURAN TAHUNAN DAN AKAUN  
YANG TELAH DIODITKAN**

**bagi**

**LEMBAGA PEMASARAN  
PERTANIAN PERSEKUTUAN  
MALAYSIA**

**1971**

*ANNUAL REPORT AND AUDITED ACCOUNTS*

*of the*

*FEDERAL AGRICULTURAL  
MARKETING AUTHORITY  
MALAYSIA*

*1971*



Utusan Melayu (Malaysia) Berhad  
100, Jalan T. T. Pong, 50050 Kuala Lumpur

# LAPURAN TAHUNAN 1971

## Pendahuluan

Laporan ini ialah laporan Lembaga Pemasaran Pertanian **Persekutuan** (FAMA) yang meliputi tahun yang **berakhir** pada **31hb** Disember, 1971.

2. Lembaga ini telah ditubuhkan pada 30hb September, 1965 di bawah **Akta** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965 yang menyatakan bahawa tugas-tugas Lembaga adalah seperti **berikut** :

- (a) untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan pemasaran **hasil-hasil pertanian** oleh orang-orang persendirian atau **badan-badan** pertubuhan (samada **dalam** perkhidmatan **Kerajaan** atau swasta) yang terlibat atau mungkin terlibat di dalam sebarang bidang pemasaran hasil-hasil pertanian;
- (b) untuk menimbang dan memajukan, **jika perlu**, cara-cara untuk **memperbaiki** pasaran dan cara-cara **pemasaran** hasil-hasil pertanian dan untuk mencari serta memajukan pasaran dan saluran-saluran pasaran baru bagi hasil-hasil pertanian; dan
- (c) untuk **bekerjasama** dengan orang-orang atau badan-badan pertubuhan (samada di dalam perkhidmatan Kerajaan atau swasta) untuk memajukan pemasaran hasil-hasil pertanian supaya **lebih licin** dan **berkesan**.

3. Untuk menjalankan tugas-tugas yang tersebut di atas Lembaga **telah** diberi kuasa-kuasa yang **berikut** :

- (a) untuk menimbang sebarang rancangan pemasaran yang dikemukakan oleh sesiapa **sahaja**, ataupun dengan usaha Lembaga sendiri untuk mencadang apa-apa rancangan pemasaran;
- (b) untuk menjalankan penyelidikan dan **penyiasatan-penyiasatan** yang berkaitan dengan -
  - (i) kos pengeluaran, memproses, **pengangkutan** dan pemasaran hasil pertanian;
  - (ii) peringkat-peringkat harga, pasaran-pasaran dan kaedah-kaedah pemasaran, dan sistem **memperingkat** mutu;
  - (iii) Iain-lain perkara yang ada kaitannya dengan pemasaran hasil pertanian;
- (c) untuk mengenakan syarat supaya orang-orang yang menjalankan pengeluaran atau pemasaran hasil pertanian yang tertakluk kepada **mana-mana** rancangan pemasaran, supaya mendaftar dan memberi maklumat berkaitan dengan hasil pertanian yang berkenaan, mengenai apa yang **difikirkan** perlu oleh Lembaga; dan
- (d) untuk menjalankan apa juga yang dianggap patut oleh Lembaga supaya tugas-tugas yang terkandung di dalam Aktanya dapat dijalankan dengan berkesan.

4. Lembaga **adalah bertanggungjawab** kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab.

Lembaga dibiayai oleh Kerajaan dengan pemberian wang (grant) secara langsung untuk **perbelanjaan** pentadbiran dan pembangunan dan wang **pinjaman** untuk rancangan-rancangan perniagaannya.

### **Ahli Lembaga**

5. Lembaga **sebagaimana** yang tercatat di bawah Seksyen 2 **Akta** Lembaga **Pemasaran** Pertanian Persekutuan, 1965, **mempunyai** 12 orang ahli. Pengerusi dan Timbalan Pengerusi dilantik oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung. Sepuluh orang ahli-ahli lain yang terdiri dari 5 orang ahli **resmi** dan 5 orang ahli tidak **resmi** dilantik oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Perikanan. Datuk Haji Abdullah bin Mahmood, S.J.M.K., D.P.M.K., J.M.N. telah dilantik semula sebagai Pengerusi Lembaga bagi tempoh satu **tahun** bermula dari 1 **November**, 1971 Timbalan Pengerusi ialah Encik Abdul Rahman bin Haji Yusof, A.M.N. Ahli-ahli yang berikut telah dilantik dalam tahun 1971 untuk tempoh 2 tahun **mulai** dari 1hb Oktober, 1971.

#### **Ahli-Ahli Resmi**

*Wakil Kementerian Pertanian dan Perikanan* - Encik Abdul Ghani bin Mohd. Noor

*Wakil Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar* - Tuan Radin Soenarno Al-Haj

*Wakil Yunit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri* - Encik Mohd. Noor bin Mohd. Hassan (hingga 30.9.1971)

- Encik Mohd. Saadulah Suhaimi (dari 1.10.1971)

*Wakil Perbendaharaan* - Encik Nik Mohd. Zain bin Haji Hassan

*Wakil Kementerian Perdagangan dan Perusahaan* - Encik Nik Mohd. Salleh bin Haji Nik Mat

**Ahli-Ahli Tidak Resmi** - Encik Abdul Rahman bin Abdul Hamid

- Y.B. Tan Sri Said bin Keruak

- Y.M. Raja Khalid bin Raja Harun

- Encik Lat bin Kassim

#### **Mesyyuarat-Mesyyuarat Lembaga**

6. Bagi tahun 1971, Lembaga telah bersidang sebanyak 2 kali, dan Jawatankuasa Kerja Lembaga bersidang sebanyak 3 kali.

7. Berikut **adalah** ahli-ahli Jawatankuasa Kerja : -

Pengerusi

Timbalan Pengerusi

Wakil Kementerian Pertanian dan Perikanan

Wakil Perbendaharaan

Wakil Yunit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri  
Encik Abdul Rahman bin Abdul Hamid  
Y.M. Raja Khalid bin Raja Harun

### **Kakitangan**

8. Di akhir tahun 1971, kakitangan Lembaga berjumlah 169 orang semuanya.

9. Dalam tahun yang dilaporkan ini, seorang Ahli Ekonomi **Pertanian**, Encik Abu Bakar bin Abdul Hamid telah berlepas ke New. Delhi pada 17hb Julai, 1971 untuk menghadiri satu kursus Rancangan Colombo mengenai "Perdagangan Antarabangsa" selama 10 bulan.

10. Sejumlah 38 orang Merinyu Pemasaran dan Penolong Merinyu Pemasaran telah menghadiri satu "refresher course" dari 23hb Jun hingga 3hb Julai, 1971 di Kuala Lumpur, di mana peserta-peserta telah diberitahu mengenai beberapa kemajuan Lembaga semasa itu.

11. 14 orang Merinyu Pemasaran dan Penolong Merinyu Pemasaran telah menghadiri satu kursus mengenai beberapa aspek penguatkuasa yang diberikan oleh Pegawai-pegawai Polis di Pejabat Perbadanan Pemasaran Padi dan Beras di Batu Lapan, Tanjong Karang, dari 19hb hingga 21hb Mei, 1971.

12. Dengan tertubuhnya Lembaga dan Beras Negara (LPN) dalam bulan September 1971, Lembaga telah meminjamkan tiga orang pegawai kanannya kepada LPN.

### **Seminar**

13. Lembaga telah mengadakan satu kursus mengenai pemasaran **hasil-hasil pertanian** kepada Pertubuhan-pertubuhan Pengeluar di Maktab Kerjasama, Petaling Jaya selama 4 hari, dari 28hb hingga 31hb Disember, 1971. Satu daripada tujuan utama seminar ini ialah untuk **mengujudkan kesedaran** ke atas kepentingan pemasaran dan perhubungannya yang rapat dengan" pengeluaran di dalam kemajuan pertanian. Lebih daripada 80 orang peserta dari beberapa Pertubuhan Pengeluar dari kedua-dua Malaysia Timur dan Barat telah menghadiri seminar tersebut.

### **Pindaan ke atas Akta FAMA, 49 tahun 1965**

14. Semasa Parlimen digantungkan di dalam tahun 1969 dan ,1970, peruntukan Seksyen 4 dan Seksyen 5 Akta Lembaga telah dipinda di bawah Ordinan (Kuasa-kuasa Yang Diperlukan) Dharurat Bil. 23 tahun 1970. Dengan Pindaan tersebut, siasatan awam bagi penerimaan bantahan-bantahan ke atas **mana-mana** rancangan pemasaran yang dicadangkan telah digantikan oleh satu perjumpaan tertutup dan Menteri Pertanian dan **Perikanan** dikehendaki mendapatkan kelulusan Majlis Gerakan Negara sebelum menetapkan apa-apa rancangan.

15. Apabila Parlimen diadakan semula dalam tahun 1971, Ordinan (Kuasa-kuasa Yang Diperlukan) Dharurat Bil. 23 tahun 1970 telah dibatalkan. Akta Lembaga telah dipinda semula **berhubung** dengan Seksyen 5 oleh Parlimen. Seksyen 5 yang telah dipinda semula memberi kuasa kepada Menteri

Pertanian dan Perikanan untuk menetapkan sesuatu rancangan **pemasaran** bagi mana-mana hasil pertanian berdasarkan perakuan Lembaga tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Majlis Gerakan Negara yang telah dibubarkan.

16. Pindaan kepada Seksyen 4 yang dibuat dalam tahun 1970 di bawah Ordinan (Kuasa-kuasa Yang Diperlukan) Dharurat Bil. 23 tahun 1970 di mana bantahan-bantahan ke atas mana-mana rancangan akan didengar hanya di perjumpaan tertutup dan bukan di majlis siasatan awam, telah dikekalkan. Syarat untuk mengemukakan notis-notis **bantahan** tidak lebih daripada 30 hari dari penerbitan notis pemberitahu telah juga dikekalkan.

## **Rancangan Memperbaiki Pemasaran**

### **Padi**

17. Dengan tertubuhnya Lembaga Padi dan Beras Negara di dalam bulan September 1971, FAMA tidak lagi bertanggungjawab ke atas pemasaran padi dan beras. Bagaimanapun, untuk melicinkan peralihan tersebut, Lembaga bersetuju untuk terus mengurus dan mengelolakan semua rancangan-rancangan pemasaran padi, **hingga 31hb Disember, 1971**. Bersama-sama itu, Lembaga juga bersetuju untuk meneruskan kerja-kerja pembinaan 9 daripada 15 buah kompleks mengering dan menyimpan padi di kawasan Pengairan Muda yang dari asalnya dirancang oleh FAMA.

### **Ikan**

18. Rancangan Pemasaran Ikan telah diwartakan pada 8hb November, 1971. Tujuan Rancangan Pemasaran Ikan ini, pada keseluruhannya, ialah untuk **memajukan sistem** pemasaran ikan amnya dan untuk menambahkan pulangan bersih nelayan-nelayan khususnya, dan dengan itu memberi galakan yang lebih kepada perkembangan **perusahaan** ikan.

19. Di bawah rancangan ini, pemborong-pemborong ikan di kawasan-kawasan tertentu akan dilesenkan. Tempat-tempat yang khusus di dalam kawasan-kawasan yang tertentu akan ditetapkan sebagai tempat **jualan** borong ikan. Cara-cara jualan borong, menimbang dan memperingkat mutu ikan juga akan ditentukan dan pemborong-pemborong akan dikehendaki mengemukakan maklumat-maklumat mengenai aktiviti **perniagaan** mereka.

20. Sebuah Jemaah Pemasaran Ikan telah ditubuhkan pada 8hb Disember, 1971, untuk mengurus dan melaksanakan Rancangan ini. Jemaah ini diberi kuasa untuk turut serta di dalam **perniagaan** ikan dan lain-lain aktiviti yang berkaitan, dengan bersendirian atau menerusi usaha-bersama.

21. FAMA telah menjalankan beberapa kajian di kampung-kampung di Tumpat, Bachok, Kemaman, **Kijal**, Dungun, Marang dan Kuala Besut, untuk menaksirkan kemungkinan menjalankan perniagaan di kawasan-kawasan tersebut.

22. Kajian-kajian kemungkinan juga telah dijalankan oleh Lembaga di dalam tahun yang dilapurkan ini. Ini termasuklah :

- (a) Kajian Perusahaan Ikan Baja, dengan tujuan untuk **menentukan** saluran pasaran bagi ikan hampas.

- (b) Kajian untung-rugi **mengambilalih** pengurusan **bilik-bilik** sejuk yang dibina oleh Bahagian Perikanan **Kementerian Pertanian dan Perikanan** di Pantai Timur.

### **Kopi**

23. Satu Rancangan Pemasaran Kopi yang dicadangkan oleh FAMA telah diwartakan mengikut Seksyen 4 pada 15hb April, 1971, untuk meminta teguran dan bantahan. Tidak ada bantahan yang besar ditimbulkan terhadap Rancangan ini. Rancangan ini setelah dipinda telah disyor untuk dipertetapkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan mengikut Seksyen 5. Rancangan ini telah ditetapkan dan diwartakan oleh Menteri pada 30hb Disember, 1971.

24. Adalah dicadangkan bahawa pelaksanaan rancangan ini dijalankan dalam dua peringkat. Peringkat pertama akan melibatkan pengawalan ke atas amalan-amalan pemasaran menerusi perlesenan semua perantara-perantara pasaran. Di bawah peringkat kedua, sebuah pusat memproses buah kopi akan didirikan untuk mengadakan saluran pasaran tambahan kepada penanam-penanam kopi.

25. Sebuah Jemaah Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian telah ditubuhkan pada 30hb Disember, 1971, untuk mengurus dan melaksanakan Rancangan tersebut.

### **Lada Hitam**

26. Rancangan Pemasaran Lada Hitam telah ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan mengikut Seksyen 5, dan diwartakan pada 23hb Disember, 1971.

27. Tujuan utama Rancangan Pemasaran Lada Hitam ialah untuk memastikan pemasaran dalam negeri yang teratur dan untuk membaiki imej lada hitam Malaysia di pasaran antarabangsa. Setengah daripada langkah-langkah yang dicadang supaya dijalankan di bawah rancangan ini termasuk langkah untuk mengadakan peringkat-peringkat mutu berkanun bagi lada hitam dan pengawalan perantara-perantara menerusi peruntukan perlesenan, mengadakan kemudahan-kemudahan memproses dan memperingkat mutu, dan galakan pasaran lada hitam Malaysia di pasaran seberang laut. Tiga buah pusat memperingkat mutu dan memproses lada hitam akan didirikan di Kuching, Sarikei dan Johor Bahru, untuk memproses dan memperingkat mutu lada hitam untuk diekspot.

### **Kelapa**

28. Lembaga telah memulakan kajian ke atas pemasaran dan perusahaan memproses kelapa dan kelapa kering dengan tujuan untuk merangka satu rancangan bagi memperbaiki pemasaran kelapa.

29. Lembaga mempunyai seorang wakil di dalam Jawatankuasa Tanaman Modal Jawatankuasa Bertindak mengenai Perusahaan Kelapa yang mempunyai tugas untuk menentukan perusahaan-perusahaan memproses/mengilang berasaskan pengeluaran kelapa yang ada sekarang dan untuk membuat pengesyoran bagaimana perusahaan-perusahaan ini boleh dimaju-

kan lagi samada dengan meluaskan pengeluaran yang ada atau dengan memperbagaikannya kepada hasil-hasil pengeluaran yang baru.

### **Penyelidikan dan Penyiasatan**

30. Selaras dengan tujuan Lembaga untuk menjalankan satu program yang lengkap mengenai penyelidikan dan penyiasatan pemasaran bagi memudahkan usaha merangka rancangan-rancangan pemasaran dan membentuk dasar pemasaran yang berkesan, penyiasatan dan penyelidikan yang berikut telah dijalankan :—

(a) **Penyiasatan Kos Pengeluaran Dan Pemasaran Kacang Tanah di jajahan Pasir Mas dan Kota Bharu, Kelantan**

Lembaga telah menjalankan penyiasatan yang di atas dalam bulan Julai dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai pengeluaran supaya dapat memastikan keuntungan tanaman ini kalau dibandingkan dengan tanaman-tanaman lain seperti jagung dan seko. Maklumat mengenai amalan pemasaran diperingkat ladang pada keseluruhannya telah juga dikutip.

(b) **Penyiasatan Pemasaran dan Pengeluaran Buah-buahan di Muar**

Dalam bulan Julai, 1971 Penyiasatan Pemasaran dan Pengeluaran Buah-Buahan telah dijalankan di Daerah Muar, dengan tujuan untuk mengutip maklumat-maklumat mengenai cara-cara pemasaran buah-buahan diperingkat kebun atau dusun dan untuk menentukan faktor-faktor pengeluaran yang bersabit dengan kemajuan pemasaran.

(c) **Penyiasatan Pemasaran Ikan di Kuching dan di Kampung-kampung yang Berdekatan**

Penyiasatan yang dijalankan di Kuching ini bermula dalam bulan April, 1971, dengan tujuan untuk mengumpul maklumat mengenai struktur pemasaran dan masalah-masalah pengedaran ikan bagi pelaksanaan Rancangan Pemasaran Ikan di Negeri tersebut.

(d) **Penyiasatan Pemasaran Jagung di Ulu Trengganu**

Dalam bulan November, 1971, satu penyiasatan telah dijalankan untuk mengumpul maklumat mengenai amalan-amalan pengeluaran dan pemasaran penanam-penanam jagung di kawasan Kuala Brang. Maklumat seperti ini diperlukan untuk membantu Lembaga di dalam program untuk melaksanakan Rancangan Pemasaran Jagung printis bagi kawasan tersebut.

(e) **Penyiasatan Pemasaran Lada Hitam, Johor**

Tujuan penyiasatan yang di atas, yang bermula dalam bulan Mac, 1971, ialah untuk menyiasat aspek-aspek pengeluaran dan pemasaran perusahaan tersebut supaya dapat menolong usaha perancangan dan pelaksanaan Rancangan Pemasaran Lada Hitam yang dicadangkan bagi Negeri Johor.



**(f) Penyiasatan Ke atas Harapan Pasaran Cendawan**

Atas permintaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dalam bulan Mei, 1971, Lembaga telah menjalankan satu penyiasatan ke atas harapan pasaran bagi cendawan yang ditinkan dan harapan pasaran tempatan bagi cendawan segar.

**(g) Penyiasatan Ke atas Saluran Pasaran Ayam/Itek dan Telur di Pulau Pinang/Seberang Prai dan Perlis**

Atas permintaan Jawatankuasa Kerja Majlis Gerakan Negara, Lembaga telah menjalankan satu penyiasatan mengenai pemasaran ayam, itek dan telur di Pulau Pinang dan Perlis. Lembaga juga telah membentangkan satu kertas kepada Jawatankuasa Penasihat Khas Tarif, mengesyorkan supaya satu sekatan kuantiti dikenakan ke atas impot ayam yang dibekukan. Untuk menolong penternak-penternak mendapatkan saluran pasaran yang lebih baik, Lembaga telah menyusun satu buku panduan yang lengkap mengenai pembeli-pembeli ayam, itek di Negeri Pulau Pinang, dan syarikat-syarikat lori yang terlibat di dalam perniagaan ini. Buku panduan ini telah disebarikan kepada Pertubuhan-pertubuhan Pengeluar.

**Perisik dan Kemajuan Pasaran**

31. Lembaga masih terus mengutip harga-harga diperingkat ladang borong dan runcit. Harga-harga ini dikutip dari pusat-pusat utama iaitu George Town, Ipoh, Kuala Lumpur, Melaka dan Johor Bahru, dan disebarikan menerusi saluran-sebaran am dan Warta Barangan Bulanan dan Suku Tahun. Warta Barangan Bulanan ini diterbitkan di dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris.

32. Dengan tujuan untuk memperbaiki maklumat pemasaran di peringkat pengeluar, Lembaga telah menyusun buku-buku panduan mengenai pemborong-pemborong dan, sehingga ini, tiga buku panduan berhubung dengan pemborong-pemborong di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru telah dicetak dan disebarikan.

33. Kempen 'Lebihkan Makan Buah-Buahan Tempatan' telah diperhebatkan dalam tahun yang dilaporkan ini. Pertandingan-pertandingan karangan dan cogankata mengenai buah-buahan tempatan telah diadakan di dalam semua akhbar-akhbar, terutama di muka Ruangan Kanak-Kanak. Bahan-bahan Pamiran Lembaga mengenai buah-buahan tempatan telah dipinjamkan ke sekolah-sekolah terutama berhubung dengan Hari Ucapan Tahunan dan juga kepada Persatuan-persatuan Wanita dan Persatuan-persatuan Pengguna-pengguna untuk dipertunjukkan.

34. Lembaga telah mengambil bahagian di dalam Pertunjukan Pertanian Malaysia yang dianjurkan oleh Fakulti Pertanian, Universiti Malaya dari 25hb hingga 27hb Jun, 1971.

**Perkhidmatan Mengatur Pemasaran**

35. Mulai dari pertengahan tahun 1971, Lembaga telah melancarkan satu perkhidmatan mengatur pemasaran. Menerusi perkhidmatan ini, Lembaga membantu pengeluar-pengeluar mendapatkan pembeli-pembeli, mengaturkan

kemudahan **pengangkutan**, dan **mengawas** urusan-urusan jual-beli untuk memastikan **perniagaan** yang **adil**. Banyak **pengeluar** dan **Pertubuhan-pertubuhan** Pengeluar telah diberi pertolongan di **dalam** pemasaran **sayur-sayuran**, **hasil ternakan** ayam, itek dan **biji-bijian**.

36. Untuk menjelaskan pemasaran **hasil-hasil pertanian**, Lembaga telah **menubuhkan** sebuah Jawatankuasa Penyelarasan mengenai pemasaran hasil-hasil pertanian **kecil** yang dianggotai **oleh wakil-wakil dari Kementerian Perdagangan dan Perusahaan**, Kementerian Kebudayaan, **Belia** dan Sukan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Pertanian, Persatuan Peladang Kebangsaan, Bank Pertanian, Jabatan Kemajuan Kerjasama, Bahagian Kaji-teknik Makanan dan Jawatankuasa **Bertindak** Tanaman Modal bagi Perusahaan-perusahaan yang berasaskan Pertanian.

### **Penerbitan**

37. **Bersama-sama** dengan 'Kajian Ekonomi Pertanian Malaysia **Jilid 3, Bil. 2**', Lembaga juga telah **memulakan** satu siri penerbitan **baru** yang bertajuk '**Warta Ekonomi**' FAMA. Di bawah siri baru **ini** Lembaga telah mengeluarkan terbitan-terbitan yang berikut, "Preliminary Report on the Tapioca Industry in **Perak**", "Production Costs of Various Agricultural Commodities", dan "The Pig Industry in West Malaysia (An Economic Study)". Berita FAMA, satu akhbar suku tahun mengenai **pertubuhan** ini, telah juga diterbitkan.

### **Kira-Kira Tahunan**

38. Kira-kira Lembaga yang telah diodit **dikepilkan** bersama-sama ini.

**DATUK HAJI ABDULLAH BIN MAHMOOD,**  
**S.J.M.K., D.P.M.K., J.M.N.,**  
***Pengerusi,***  
***Lembaga Pemasaran Pertanian***  
***Persekutuan.***

**ENCIK ABDUL RAHMAN BIN HAJI**  
**YUSOF, A.M.N.,**  
***Timbalan Pengerusi,***  
***Lembaga Pemasaran Pertanian***  
***Persekutuan.***

## ANNUAL REPORT 1971

### Introduction

This is a report of the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA), covering the year ending 31st December, 1971.

2. The Authority was established on the 30th September, 1965 under the Federal Agricultural Marketing Authority Act, 1965 which provides that the functions of the establishment shall be as follows :—

- (a) to co-ordinate the activities in respect of the marketing of agricultural produce, of the various persons or bodies of persons (whether incorporate or unincorporate and whether in the public services or otherwise) which are or might be concerned with any aspect of the marketing of agricultural produce;
- (b) to consider, and to promote where necessary and desirable, ways and means by which existing markets and methods of marketing of agricultural produce might be improved, and to seek and promote new markets and outlets for agricultural produce; and
- (c) to collaborate with persons or bodies of persons (whether incorporate or unincorporate, and whether in the public services or otherwise) to promote efficient and effective marketing of agricultural produce.

3. To carry out the above functions the Authority is vested with the following powers :

- (a) to consider any marketing scheme by whomsoever submitted, or on its own motion to propose any marketing scheme;
- (b) to cause to be carried out marketing research and investigations and in particular to cause to be conducted enquiries relating to :
  - (i) costs of production, processing, transportation and marketing of agricultural produce;
  - (ii) price levels, markets and marketing methods and system of grading;
  - (iii) any other matter relating to the marketing of agricultural produce;
- (c) to require persons engaged in the production or marketing of any agricultural produce, in respect of which a marketing scheme has been prescribed to register and to give in such manner as the Authority may specify such information with respect to such produce as the Authority may deem necessary; and
- (d) to do such other things as the Authority deems fit for the effective carrying out of the functions under this Act.

4. The Authority is responsible to the Hon'ble Minister of the Ministry of Agriculture and Fisheries for the conduct of its functions and responsibilities. It is financed by the government through direct grants in respect of adminis-

trative and development expenditure and loans in respect of its trading schemes.

## Constitution of the Authority

5. The Authority, as constituted under Section 2 of the Federal Agricultural Marketing Authority Act, 1965 comprised 12 members. The Chairman and the Deputy Chairman are appointed by the D.Y.M.M. Sri Paduka Baginda Yang Dipertuan **Agung**. The other 10 members consisting of 5 Official Members and 5 Unofficial Members are appointed by the Hon'ble Minister of Agriculture and Fisheries. Datuk Haji Abdullah bin **Mahmood**, S.J.M.K., D.P.M.K., J.M.N. has been re-appointed as Chairman of the Authority for a one year term with effect from the 1st November, 1971. The Deputy Chairman is Encik Abdul Rahman bin Haji Yusof, A.M.N. The following members were appointed in 1971 for a two-year term with effect from the 1st October, 1971.

### Official Members

|                                                                                  |                                                        |
|----------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------|
| <i>Representative of the Ministry of Agriculture and Fisheries</i>               | — Encik Abdul <b>Ghani</b> bin Mohd. Noor              |
| <i>Representative of the Ministry of National &amp; Rural Development</i>        | — Tuan Radin Soenarno <b>Al-Haj</b>                    |
| <i>Representative of the Economic Planning Unit, Prime Minister's Department</i> | — Encik Mohd. Noor bin Mohd. Hassan (till 30.9.1971)   |
|                                                                                  | — Encid Mohd. Saadulah <b>Suhaimi</b> (from 1.10.1971) |
| <i>Representative of the Treasury</i>                                            | — Encik Nik Mohd. <b>Zain</b> bin Haji Hassan          |
| <i>Representative of the Ministry of Commerce and Industry</i>                   | — Encik Nik Mohd. Salleh bin Haji Nik Mat              |

### Unofficial Members

- Encik Abdul Rahman bin Abdul Hamid
- Y.B. Tan Sri Said bin Keruak
- Y.M. **Raja** Khalid bin Raja Harun
- Encik **Lat** bin **Kassim**

## Meetings of the Authority

6. For the year 1971, the Authority met twice while 3 meetings were held by the Executive Committee of the Authority.

7. The following were members of the Executive Committee :

The Chairman

The Deputy Chairman

The Representative of the Ministry of Agriculture and Fisheries

The Representative of the Treasury

The Representative of the Economic Planning Unit, Prime Minister's Department

Encik Abdul Rahman bin Hamid

Y.M. Raja Khalid bin Raja Harun

### **Staff**

8. At the end of 1971, the Authority had a total establishment of 169 staff.

9. During the year under review, an Agricultural Economist, Encik Abu Bakar bin Abdul Hamid, left for New Delhi on the 17th July, 1971 to attend a Colombo Plan course on 'International Trade' for a period of 10 months.

10. A total number of 38 Marketing Inspectors and Assistant Marketing Inspectors attended a refresher course from the 23rd June to 3rd July, 1971 in Kuala Lumpur, where the participants were informed of the various current developments regarding the organisation.

11. 14 Marketing Inspectors and Assistant Marketing Inspectors attended a course on various aspects of enforcement, conducted by Police Officers at the Padi and Rice Marketing Board's office at Batu Lapan, Tanjong Karang, from the 19th to 21st May, 1971.

12. With the establishment of the Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) in September, 1971, the Authority seconded 3 of its senior staff to LPN.

### **Seminar**

13. The Authority organised a 4-day residential course on the marketing of agricultural produce for Producers' Organisations from the 28th to 31st December, 1971 at the Co-operative College in Petaling Jaya. One of the main objectives of the Seminar was to create an awareness of the importance of marketing and close relationship with production in agricultural development. Over 80 participants from Producers' Organisations throughout East and West Malaysia attended the seminar.

### **Amendments to FAMA Act, 49 of 1965**

14. When Parliament was suspended in 1969 and 1970, the provisions of Section 4 and Section 5 of the Authority's Act was amended under the Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 23 of 1970. With the amendments, the public inquiry for receipt of objections to any proposed marketing scheme was replaced by a closed hearing and the Minister of Agriculture and Fisheries had to seek the approval of the National Operations Council before prescribing any scheme.

15. When Parliament was reconvened in 1971, the Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 23 of 1970 was repealed. The Authority's Act was reamended in relation to Section 5 by Parliament. Section 5 was reamended empowering the Minister of Agriculture and Fisheries to prescribe a marketing scheme of any agricultural produce upon the recommendation of the Authority

without prior approval from the National Operations Council which had been abolished.

16. The amendment to Section 4 made in 1970 under the Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 23 of 1970 whereby objections to any proposed marketing scheme would be heard only at closed hearings and not at public inquiries was retained. The stipulation of having to give notice of objections of not less than 30 days from the publication of notice of intent was also retained.

## **Marketing Improvement Schemes**

### **Padi**

17. With the establishment of the **Lembaga Padi dan Beras Negara** in September 1971, FAMA ceased to be responsible for the marketing of padi and rice. However, to smoothen the transition, the Authority agreed to continue with the management and supervision of all the padi marketing schemes, until 31st December, 1971. In addition, the Authority agreed to continue with the construction of 9 out of the 15 padi drying and storage complexes in the Muda Irrigation Area originally planned by FAMA.

### **Fish**

18. The Fish Marketing Scheme was gazetted on the 8th November, 1971. The overall objective of the Fish Marketing Scheme was to improve the marketing system for fish in general and increase the net returns to fishermen in particular, thus, providing more incentives for the expansion of the fish industry.

19. Under the Scheme, fish wholesalers in specified areas will be licensed. Specific places within specified areas will be designated for the wholesaling of fish. Methods of wholesaling, weighing and grading of fish will be prescribed and wholesalers will be required to submit information on their trading activities.

20. A Fish Marketing Board to manage and implement the Scheme was established on the 8th December, 1971. The Board is empowered to participate in the trading of fish and other allied activities either by itself or through joint venture.

21. FAMA carried out several studies in the villages of Tumpat, Bachok, **Kemaman, Kijal**, Dungun, Marang and Kuala Besut to assess the feasibility of trading in these areas.

22. Feasibility studies were also undertaken by the Authority during the year under review. These **included** :—

- (a) Study of the **Fishmeal** Industry, the objective of which is to determine the market outlets for trash fish.
- (b) Viability of taking over the management of cold rooms set up by the Fisheries Division of the Ministry of Agriculture and Fisheries in the East Coast.

## **Coffee**

23. A Coffee Marketing Scheme Proposed by FAMA was gazetted on the 15th April, 1971 in accordance with Section 4 to invite comments and objections. No major objection was raised against the Scheme. The Scheme, appropriately amended, was recommended for prescription by Yang Berhormat, the Minister of Agriculture and Fisheries in accordance with Section 5. The Scheme was prescribed and gazetted by the Minister on the 30th December, 1971.

24. It was proposed to implement the Scheme in two stages. The first stage will involve the regulation of marketing practices through licensing of all market intermediaries. Under the second stage, a coffee berry processing centre will be established to provide an alternative market outlet for coffee farmers.

25. An Agricultural Produce Marketing Board to manage and implement the Scheme was established on 30th December, 1971.

## **Pepper**

26. The Pepper Marketing Scheme was prescribed by Yang Berhormat, the Minister of Agriculture and Fisheries in accordance with Section 5 and gazetted on 23rd December, 1971.

27. The main objective of the Pepper Marketing Scheme was to ensure orderly marketing domestically and to improve the image of Malaysian pepper internationally. Some of the proposed measures to be undertaken by the Scheme include the introduction of statutory grades for pepper and the regulation of market intermediaries through licensing, provision of processing and grading facilities, and the promotion of Malaysian pepper in overseas market. Three pepper grading and processing centres, on each in Kuching, Sarikei and Johore Bahru, will be set up for the purpose of processing and grading of pepper for export.

## **Coconuts**

28. The Authority initiated studies on the marketing and processing of coconut and copra with a view of developing a scheme for the improvement of the marketing of coconut.

29. The Authority was represented at the Capital Investment Committee. Task Force on the Coconut Industry, whose terms of reference was to identify existing processing/manufacturing industries based on coconut produce and to make recommendations as to how these industries could be further developed either by expanding existing production or by diversifying into new product lines.

## **Surveys and Investigations**

30. In line with the Authority's objective of undertaking a comprehensive programme on marketing research and investigation so as to facilitate the

development of marketing schemes and the formulation of effective marketing policies ,the following surveys and investigations were carried out :—

**(a) Survey on Cost of Production And Marketing of Groundnut in Pasir Mas and Kota Bharu Districts, Kelantan**

The Authority conducted the above survey in July with the view of obtaining information on aspects of production so as to ascertain the profitability of the crop compared to other cash crops like maize and sorghum. Information on marketing practices at the farm level in general were also collected.

**(b) Fruit Marketing and Production Survey in Muar**

In July, 1971, the Fruit Marketing and Production Survey was carried out in the district of Muar with the objective of finding out the marketing methods of fruits at farm level and to identify the production factors relevant to marketing improvement and development.

**(c) A Survey on Fish Marketing in Kuching and Neighbouring Villages**

The survey which was conducted in Kuching, began in April, 1971, the aim of which was to gather information on market structures and distribution problems for the implementation of the Fish Marketing Scheme in the State.

**(d) Maize Marketing Survey in Ulu Trengganu**

In November 1971, a survey was undertaken to gather information on the existing production and marketing practices of the maize cultivators in the Kuala Brang area. Such information is required in assisting the Authority in its programme to implement the pilot Maize Marketing Scheme for the area.

**(e) Pepper Marketing Survey, Johore**

The objective of the above survey which was initiated in March 1971 was to investigate the production and marketing aspects of the industry so as to assist in the planning and operation of the proposed Pepper Marketing Scheme for the State of Johore.

**(f) Investigations of Marketing Potential for Mushrooms**

At the request of the Penang State Government, the Authority in May 1971, conducted an investigation into the market potential for canned champignons and the local market for fresh champignons.

**(g) Investigations into the Market Outlets of Poultry and Eggs in Pulau Pinang/Seberang Prai and Perlis**

At the request of the Working Committee of the National Operations Council, the Authority made an investigation regarding the marketing of chickens, ducks and eggs in Pulau Pinang and Perlis. The Authority also submitted a paper to the Special Advisory Committee on Tariff, recommending a quantitative



restriction on the import of frozen chicken. To assist the producers in obtaining better market outlets, the Authority compiled a comprehensive directory of the poultry buyers in the State of Pulau Pinang, and lorry operators involved in the trade. The directory was circulated widely to the various Producers Organisations.

### **Market Intelligence and Promotion**

31. The Authority continued to collect prices at farm gate, wholesale and retail levels. Prices are collected from the main centres of Georgetown, Ipoh, Kuala Lumpur, Malacca and Johore Bahru and the prices are disseminated through the mass media and the Monthly and Quarterly Commodity Bulletins. The Monthly Commodity Bulletin is published in Bahasa Malaysia and in English.

32. With the view to improving market intelligence at the producers' level, the Authority compiled directories of wholesalers and, to date, three directories pertaining to the wholesalers in Kuala Lumpur, Penang and Johore Bahru have been printed and distributed.

33. The campaign "Eat More Local Fruits" was intensified during the year under review. Competition in essay writing and slogans on local fruits were conducted in all the newspapers, particularly in the page of Children's Corner. The Authority's exhibitions on fruits were loaned to schools, particularly in connection with their Annual Speech Days and also to Women's Associations and Consumers' Associations for display.

34. The Authority participated in the Malaysian Agricultural Show organised by the Faculty of Agriculture, University of Malaya from 25th to 27th June, 1971.

### **Marketing Arrangement Services**

35. With effect from mid-1971, the Authority launched its market arrangement services programmes. Through such programmes, the Authority assisted producers in finding out alternative buyers, arranged for transport facilities, and supervised sales transactions to ensure fair trading. Many producers and Producers' Organisations have been given assistance in the marketing of their vegetables, poultry products and feedgrains.

36. To co-ordinate the marketing of agricultural produce, the Authority established a Co-ordinating Committee on the marketing of minor agricultural produce with representatives from the Ministry of Trade and Industry, Ministry of Culture, Youth and Sports, Department of Veterinary Services, Department of Agriculture, National Farmers' Association, Bank Pertanian. Department of Co-operatives, Division of Food Technology and the Capital Investment Committee Task Force on Agro-Based Industries.

### **Publications**

37. In addition to the 'Review of Agricultural Economics Malaysia Vol. 3, No. 2, the Authority also started a new series of publications entitled 'FAMA Ekonomi Bulletin'. Under the new series the Authority published the following, 'Preliminary Report on the Tapioca Industry in Perak', 'Produc-

tion Costs of Various Agricultural Commodities', and The Pig Industry in West Malaysia (An Economic Study)'. The quarterly newsletter of the organisation, Berita FAMA, was also published.

### **Annual Accounts**

38. The audited accounts of the Authority are attached.

*(Sgd)*  
**DATO HAJI ABDULLAH BIN MAHMOOD,**  
S.J.M.K., D.P.M.K., J.M.N.,  
*Chairman,*  
*Federal Agricultural Marketing*  
*Authority.*

*(Sgd)*  
**ENCIK ABDUL RAHMAN BIN HAJI**  
YUSOF, A.M.N.,  
*Deputy Chairman,*  
*Federal Agricultural Marketing*  
*Authority.*

## **KIRA-KIRA KEWANGAN AKHIR TAHUN 1971**

Kira-kira dan Kunci Kira-kira yang berkembar telah diperiksa mengikut Akta Odit, 1957. Semua kenyataan dan keterangan yang dikehendaki telah didapati.

Saya mengaku iaitu, menurut oditan ini, pada pendapat saya Kira-kira dan Kunci Kira-kira ini telah diperbuat dengan cara yang betul untuk menunjukkan satu kenyataan yang benar dan munasabah mengenai perjalanan dan kedudukan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.

Kuala Lumpur,  
18hb Ogos, 1972.

(MOHAMED ZAIN BIN AHMAD).  
*Juruodit Negara.*

# LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (Federal Agricultural Marketing Authority)

## MALAYSIA

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31<sup>HB</sup> DISEMBER, 1971

|                                          |     |     |     | 1971 |              |                     |
|------------------------------------------|-----|-----|-----|------|--------------|---------------------|
| LEBIHAN TERKUMPUL                        |     |     |     | \$   | \$           | \$                  |
| Baki pada hb Januari 1971 :              |     |     |     |      |              |                     |
| Kumpulan Wang Biasa                      | ... | ... | ... | ...  | 964,782.47   |                     |
| Kumpulan Wang Pembangunan                | ... | ... | ... | ...  | 7,673,164.30 |                     |
| Kumpula Wang Pinjaman Kenderaan          | ... | ... | ... | ...  | 104,266.97   |                     |
| Kumpulan Wang Pusingan untuk             |     |     |     |      |              |                     |
| Tanjong Karang                           | ... | ... | ... | ...  | 129,972.04   |                     |
| Derma                                    | ... | ... | ... | ...  | 557.21       | 8,872,742.99        |
|                                          |     |     |     |      |              |                     |
| Lebih Pendapatan daripada Perbelanjaan : |     |     |     |      |              |                     |
| Kumpulan Wang Biasa                      | ... | ... | ... | ...  | 341,706.58   |                     |
| Kumpulan Wang Pembangunan                | ... | ... | ... | ...  | —            |                     |
| Kumpula Wang Pinjaman Kenderaan          | ... | ... | ... | ...  | 500.88       |                     |
| Kumpulan Wang Pusingan untuk             |     |     |     |      |              |                     |
| Tanjong Karang                           | ... | ... | ... | ...  | 32,508.75    | 374,714.21          |
